

26/04/2004

Najib perjelas nahas pelatih PKN

By Zulkifli Md Ali; Mona Ahmad

KOTA BHARU: Datuk Seri Najib Razak menjelaskan pelatih Pro-gram Khidmat Negara (PKN) yang ditemui lemas selepas mandi bersama rakan di Sungai Agas, Matang, Kuching, petang kelmarin, tidak berada bersama rakan pelatih ketika mandi manda.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mangsa ketika itu tidak berada bersama dalam kumpulan pelatih lain yang mandi-manda, sebaliknya berada di tebing sungai.

Beliau berkata, pihaknya sudah menerima laporan awal mengenai kemalangan itu dan berasa sedih atas apa yang berlaku.

"Berdasarkan laporan yang diterima, perkara itu dikatakan berlaku di luar tatacara iaitu dia bersendirian ketika kejadian... tetapi siasatan masih diteruskan.

"Ketika itu memang ada jurulatih dan semua pelatih perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan... jika ia bersendirian kadang-kadang boleh berlaku perkara tidak diingini... tak boleh kata apa," katanya ketika ditemui di lobi Hotel Renaissance, di sini, semalam.

Beliau bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor berada di Kelantan untuk menghadiri majlis santapan diraja di Istana Kubang Kerian, dekat sini, malam tadi.

Selain Najib, turut menghadiri santapan itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood; bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Akhbar semalam, melaporkan seorang pelatih PKN ditemui lemas selepas mandi bersama rakannya di sungai itu.

Mangsa, Awang Mohd Fadzil Awang Bolhan, 18, dari Bintulu dipercayai berada di kawasan berkenaan bersama seorang jurulatih dan 37 peserta lain.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, pelatih dan jurulatih itu bukan terbabit dengan perkhemahan di situ, sebaliknya menyertai program khidmat masyarakat iaitu gotong-royong di sebuah rumah kebajikan.

Beliau berkata, selepas bergotong-royong, ada acara mandi-manda dengan penghuni rumah kebajikan berkenaan tetapi ketika itu masih bersama jurulatih serta tiada apa yang berlaku kerana di bawah kawalan jurulatih.

"Mangsa didapati tiada di situ (mandi manda), tetapi bila nak balik, didapati bahawa seorang tiada dalam kumpulan.

"Saya berasa amat sedih di atas kemalangan ini dan mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa.

"Pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sudah membawa jenazah mangsa dari Kuching ke kampungnya di Bintulu (untuk acara pengebumian) dan kita tunggu hingga siasatan selesai," katanya.

Ditanya tempoh perkhidmatan anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) yang berakhir kelmarin, Najib berkata, beliau sudah maklum mengenai perkara itu dan akan membuat pengumuman pelantikan baru minggu ini.

Sementara itu, mengenai mesyuarat masa depan Felda dua hari lalu, beliau berkata, perkara itu akan diberitahu hari ini.

(END)